

Pastikan Anda Mudah Dilihat

Pastikan anda senang dilihat terutamanya pada waktu malam dengan memakai pakaian pemantul cahaya kerana ia dapat memastikan kedudukan anda mudah dilihat. Beri isyarat membelok sebelum membelok atau menukar lorong, dan bunyikan hon jika perlu.

Menunggang Mengikut Kemampuan

Jangan menunggang melebihi daripada kemampuan anda atau melebihi had kelajuan yang ditetapkan. Keletihan dan kurang penumpuan boleh menjejaskan keupayaan pemandu dalam membuat penilaian yang baik dan menunggang dengan selamat.

Jangan Menunggang Di Bawah Pengaruh Alkohol

Jangan menunggang selepas minum alkohol. Menunggang di bawah pengaruh alkohol walaupun satu minuman alkohol boleh menjejaskan kemampuan anda mengawal kenderaan. Pastikan anda dan kawan anda tidak menunggang di bawah pengaruh alkohol.

Sentiasa Pastikan Skuter Honda Anda Dalam Keadaan Yang Selamat

Adalah penting untuk memastikan skuter anda sentiasa berada dalam keadaan baik. Pemeriksaan ke atas skuter anda hendaklah dibuat sebelum menunggang dan diselenggarakan mengikut jadual yang disyorkan. Jangan membawa muatan melebihi had (📧 MS. 13), jangan mengubahsuai skuter atau memasang aksesori yang boleh membahayakan anda (📧 MS. 12).

Jikalau Anda Ditimpa Kemalangan

Keselamatan anda adalah keutamaan. Jika anda atau sesiapa mengalami kecederaan, ambil masa untuk mengenal pasti kecederaan dan periksa dengan teliti sama ada ianya selamat untuk menunggang semula. Buat panggilan kecemasan untuk bantuan jika perlu. Jika kemalangan membabitkan dengan kenderaan lain, anda perlu mengikut undang-undang jalan raya yang ditetapkan.